

Pelaksanaan Program Dakwah Dalam Aspek Akidah Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Johor

Implementation of Da'wah Program in Akidah Aspect at Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Johor

Arbaenah Masud*

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: arbaenahm@gmail.com

Published: 20 June 2023

To cite this article (APA): Masud, A. (2023). Implementation of Da'wah Program in Akidah Aspect at Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Johor: Pelaksanaan Program Dakwah Dalam Aspek Akidah Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Johor. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 1(1), 15–25. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol1.1.2.2023>

Abstrak

Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) merupakan kesinambungan Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada awal tahun 2012. Ia telah mengubah lanskap dakwah di sekolah-sekolah agama terutamanya di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Pelaksanaan aktiviti dakwah lebih tersusun berdasarkan *mawduq* akidah, ibadah dan akhlak. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pelaksanaan aktiviti akidah di SABK negeri Johor. Selain itu kajian juga untuk mengenal pasti bahan-bahan akidah yang digunakan di dalam aktiviti dakwah dan akhirnya kajian ingin mengenal pasti penerimaan pelajar SABK terhadap aktiviti akidah yang dilaksanakan selama ini. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif di dalam mengumpulkan data dan analisis. Data diperolehi dengan menggunakan kaedah temu bual. Enam orang pentadbir SABK mengikut daerah dipilih sebagai responden dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian mendapati program dakwah dalam aspek akidah dilaksanakan mengikut perancangan dan takwim yang disediakan SABK. Bahan-bahan program dakwah dalam aspek akidah yang digunakan masih kurang. Implikasi kajian menunjukkan pelaksanaan program dakwah dalam aspek akidah memerlukan pemahaman yang lebih jelas dalam kalangan pentadbir, guru penyelia dan memberi latihan penyediaan bahan akidah dalam membangun pendidikan masa hadapan yang lebih holistik di SABK.

Kata Kunci: Program Dakwah, Akidah, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)

Abstract

The Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) is a continuation of the Sekolah Agama Rakyat (SAR), which was registered under the Malaysian Ministry of Education (KPM) in early 2012. It has changed the preaching landscape in religious schools, especially in the Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Implementing da'wah activities is more organized based on

mawdu'k akidah (beliefs), *ibadah* (worship) and *akhlaks*. This study aims to identify the implementation of religious activities in SABK in Johor. In addition to this, the study is also to determine the faith materials used in preaching activities. Finally, the study wants to identify the acceptance of SABK students towards the faith activities that have been carried out so far. This study uses a qualitative design in data collection and analysis. Data were obtained by using the interview method. Six SABK administrators by district were selected as respondents using a purposive sampling method. The collected data were analyzed descriptively. The study's results found that the da'wah program in faith was implemented according to the plan and calendar provided by Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). The materials of the preaching program in the element of faith that are used are still lacking. The study's implications show that implementing the preaching program in the aspect of faith requires a more explicit understanding among administrators, supervising teachers and providing training in the preparation of faith materials in developing a more holistic future education at Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Keywords: Da'wah Programs, Akidah, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)

Pengenalan

Pelaksanaan program dakwah mesti merangkumi kepada aspek akidah, ibadah dan akhlak (Hendon Sharifie, 2014). Ia harus disampaikan kepada umat manusia terutamanya dalam aspek akidah. Kefahaman akidah yang sejahtera mampu membezakan amalan syirik dan perbuatan bidaah dari diri seseorang muslim. Pelaksanaan amalan yang disyariatkan dalam ibadat juga mempunyai kaitan dengan akidah. Akidah yang sahih adalah asas kepada semua muslim dan menjadi asas kepada pembentukan akhlak individu dan masyarakat. Perkara ini dapat dilihat dalam pesanan Luqman al-Hakim dalam mendidik anak sebagaimana dalam ayat 13, surah Luqman yang bermaksud:

Dan (ingatlah) Ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya: "Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain). Sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar."

Berdasarkan ayat di atas, Ibn Kathir (t.th) menafsirkan pesanan (*al-wa'z*) atau didikan yang utama dengan menyembah Allah yang Esa dan tidak mensyirikkan-Nya dengan sesuatu. Pesanan ini mengingatkan sikap zalim yang besar ialah berbuat syirik atau seumpamanya. Sekolah agama merupakan institusi yang mendidik manusia dengan perintah Allah dalam aspek akidah, ibadah dan akhlak. Dalam hal ini, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) telah diperkenalkan bagi kesinambungan Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang telah ditubuhkan melalui wakaf pengasas sekolah.

Pengurusan SABK di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pendidikan Islam (BPI). Fauzi (2013) menyatakan semasa berstatus Sekolah Agama Rakyat (SAR), kebanyakan sekolah ini mendapat tempat dan kepercayaan ibu bapa kerana sumbangannya kepada masyarakat dalam pembangunan kerohanian dan sahsiah pelajar. Faktor ini menyebabkan ibu bapa cenderung memilih sekolah SABK di atas faktor mampu memenuhi keperluan agama dan akademik di masa akan datang.

Pelaksanaan program dakwah di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) adalah kesinambungan kegiatan dakwah sewaktu sekolah berstatus Sekolah Agama Rakyat (SAR). Kini, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Bahagian Pendidikan Islam (BPI) di beri peranan dalam memastikan program dakwah dapat diurus dan dilaksanakan dengan jayanya di sekolah seluruh negara. Diantara peranan BPI dalam memastikan program dakwah disekolah berjalan teratur dan terarah adalah seperti berikut (Bahagian Pendidikan Islam, KPM, 2016);

- (a) Merancang, menyelaraskan, mengawal, mengurus dan menilai program pengukuhan, kawalan dan penghayatan akidah serta pemikiran Islam.
- (b) Merancang, menyelaraskan, mengawal, mengurus dan menilai program dakwah Islamiah.
- (c) Merancang, menyelaraskan, mengawal, mengurus dan menilai program dakwah Islamiah dan kepimpinan Islam.
- (d) Merancang, menyelaraskan, mengawal, mengurus dan menilai program pembangunan akhlak dan nilai Islam.
- (e) Merancang, menyelaraskan, mengawal, mengurus dan menilai program pengembangan budaya dan syiar Islam.

Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) merupakan suatu wadah baharu dakwah dalam sistem pendidikan negara. Pelaksanaan program dakwah di SABK membolehkan usaha untuk masyarakat Islam mendapat Pendidikan Islam yang sewajarnya. Kajian Nor Raudah Hj Siren (2018) mendapati dakwah di *Madrasah* (sekolah agama) berjaya memberi ruang dan peluang kepada masyarakat Islam memiliki agamawan atau *asatizah* yang tersendiri bagi memastikan pembangunan masyarakat Islam agar tidak jauh dari agama Islam. Namun kerap kali tidak berupaya menghadapi kepesatan pembangunan dan kemodenan. Terutama cabaran globalisasi dan arus ketamadunan dunia hari ini.

Tambahan sikap segelintir guru-guru sebagai pengurus program dakwah tidak ambil cakna kepada perubahan dan keperluan pelajar zaman ini. Ini menjadikan pengurusan dakwah kurang efektif dan tidak berdaya saing. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti pelaksanaan program dakwah dalam aspek akidah; mengenal pasti penyediaan bahan-bahan aktiviti dakwah dalam aspek akidah; dan menganalisis penerimaan program dakwah dalam aspek akidah dalam kalangan responden di sekolah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di negeri Johor.

Pernyataan Masalah

Sekolah Agama Rakyat (SAR) merupakan institusi yang bertanggung jawab sejak dahulu lagi menyebarkan dakwah secara berterusan berbanding institusi pendidikan lain. Perubahan Sekolah Agama Rakyat (SAR) kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) turut sama merubah lanskap dakwah negara. Kecenderungan sekolah ini dalam melaksanakan dakwah dengan kepelbagaian aktiviti yang berbeza-beza menimbulkan kekeliruan kepada pelajar terhadap matlamat sebenar pelaksanaan dakwah. Pelbagai corak pelaksanaan dakwah tersebut memberi kesan kepada kelemahan pencapaian hasil dakwah yang diinginkan. Kelemahan tersebut turut memberi kesan kepada proses penyampaian dakwah itu sendiri. Ketidakseimbangan

dalam penumpuan program dakwah dalam aspek akidah, ibadah dan akhlak memberikan implikasi terhadap kefahaman dan penghayatan Islam dalam kalangan pelajar.

Program dakwah dalam aspek akidah juga merupakan *awlawiyat* atau keutamaan, sebagaimana pesanan Rasulullah SAW kepada saidina Muaz bin Jabal r.a ketika di utus ke Yaman. Antaranya adalah mendahulukan akidah dengan *bersyahadah*, kemudian ibadat seperti solat, zakat terhadap harta (*muamalah*). Justeru program dakwah dalam aspek akidah sebagai asas kefahaman pelajar agar terhindar dari perkara yang amat dibimbangi seperti *syirik*, *khurafat*, dan idealisme atau pemikiran semasa yang bertentangan dengan ajaran Islam. Transisi Sekolah Agama Rakyat (SAR) kepada SABK turut mempengaruhi dakwah mengikut peranan, autoriti dan pemilikan kuasa oleh Jemaah Pengurusan Sekolah (JPS) masing-masing sebelum ini. Kebanyakan Sekolah Agama Rakyat (SAR) dahulunya melaksanakan dakwah tanpa manual khas sebagai panduan. Justeru timbul setiap sekolah dengan pendekatan berbeza. Terdapat juga Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang berubah kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) menunjukkan peningkatan positif mewujudkan iklim sekolah yang selari dengan kementerian tanpa memisahkan program-program dakwah sedia ada semasa berstatus Sekolah Agama Rakyat (SAR).

Objektif Kajian

1. Mengetahui pasti pelaksanaan aktiviti dakwah akidah di SABK negeri Johor.
2. Mengetahui pasti penyediaan bahan-bahan aktiviti dakwah akidah di SABK negeri Johor.
3. Menganalisis penerimaan pelajar terhadap aktiviti dakwah akidah di SABK negeri Johor.

Literatur Kajian Lepas

Kajian-kajian lepas berkaitan dengan perkembangan dakwah dalam sistem sekolah agama, Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan lain-lain; telah diterokai pengkaji-pengkaji sebelum ini. Skop kajian yang dijalankan tertumpu kepada aspek pengajaran dan pembelajaran, perundangan yang melibatkan pentadbiran negeri dan persekutuan, penilaian dan pentaksiran, faktor sekeliling dan sebagainya. Kajian Mohd Yusoff (2019) mendapati pengaruh yang kuat daripada Sekolah Agama Rakyat (SAR) menunjukkan suatu dimensi kepercayaan dan keimanan berpengaruh kuat dalam pertimbangan moral pelajar, kecenderungan kerohanian Islam memberi pengaruh yang signifikan. Kajian Mohammad Zaki (2009) mendapati program dakwah di sekolah agama mempunyai kesan yang berbeza-beza, ini disebabkan oleh sikap, pengisian program dan kaedah program yang dijalankan dan juga kecekapan pengurusan urusetia program. Kejayaan program dakwah sangat bergantung dengan kesediaan pelajar melibatkan diri dalam program dan pengisian program. Ini menjelaskan bahawa sekadar mengadakan program di sekolah tidak memadai untuk memastikan pendidikan dakwah dapat diberi kepada pelajar tanpa melihat kesediaan mereka dan cara pengendalian dakwah dijalankan adalah faktor yang mesti diambil kira.

Program dakwah di sekolah agama harus dilaksanakan secara sistematik supaya kefahaman tentang ajaran Islam yang tepat boleh disampaikan. Pengurusan program dakwah tidak semata-mata mengikut pihak berkepentingan sahaja, tanpa mengkaji keberkesanan kepada para pelajar. Program dakwah bukan sekadar arahan dan ketetapan semata-mata tanpa merujuk kepada keaslian nas dan sumber sebenar (keaslian bahan dakwah yang dipersembah) dan tidak keterlaluan di dalam memahami kehendak amalan sunnah sehingga tidak dapat

membezakan antara adat dan ibadat. Program dakwah merupakan keperluan yang menjadi identiti pelajar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dengan membentuk akhlak dan kecemerlangan akademik. Kajian Ismail (2016), mendapati program dakwah perlu metod pelbagai dan seiring dengan kehendak pelajar. Antaranya mengedar risalah, buletin dan sebagainya. Bahan-bahan ini secara tidak langsung menambah input sedia ada mengenai kefahaman akidah dalam kalangan pelajar.

Kajian Mohd Farid (2016), mendapati penglibatan pelajar dalam program dakwah di sekolah memberikan kesan positif dalam penghayatan akhlak terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Menurut Sabri Mamat (2015), program dakwah telah memberikan impak positif dalam amalan ibadat harian, amalan zikir, doa dan membaca al-Quran dalam kalangan pelajar. Ahmad Zabidi (2006) dalam kajiannya berkata ciri sekolah berkesan, antaranya ialah disebabkan pelaksanaan amalan hidup islam (dakwah) dalam setiap pembelajaran dan amalan. Manakala amalan sifat muraqabah (Merasa Allah sentiasa memerhati) adalah ciri keberkesanan sekolah. Beliau bersetuju perlu ada hubungkait antara pemerhatian Allah di atas setiap tindakan malah akan memberi kesan kepada amalan harian. Menurut beliau lagi usaha dakwah di sekolah adalah usaha murni. Justru program dakwah di sekolah sama ada secara rasmi atau tidak tetap memainkan peranan tersendiri.

Kajian Fauzi (2013) yang bertajuk “*Amalan Kepimpinan Lestari Pengetua Sekolah SABK Daerah Pontian*” mendapati pengetua bertanggung jawab memimpin para guru bagi memastikan amalan program dakwah di SABK dapat diteruskan. Ini penting agar impian ibu bapa tidak musnah kerana harapan yang tinggi apabila menghantar anak ke SABK demi pembangunan kerohanian anak mereka. Manakala kajian Ahmad Faisal Muhamad (2003) yang bertajuk “*Kesesuaian Program Dakwah Jabatan agama Johor di Kalangan Pelajar Al Khairiah, Segamat (SABK): Kajian Kes,*” mendapati program dakwah di sekolah menjadi tidak sesuai apabila personaliti penceramah kurang menarik, kaedah penyampaian ceramah yang kurang berkesan, pendekatan dakwah yang kurang sesuai dan akhir sekali beliau berpendapat persekitaran dakwah yang tidak selesa memberi kesan kepada program dakwah.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui instrumen temu bual. Prosedur temu bual di bina dan di nilai pakar dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor. Seramai enam orang responden dipilih yang terdiri dari pentadbir SABK seluruh negeri Johor dengan kaedah sampel bertujuan (*purposive sampling*). Responden telah dipilih berdasarkan zon sepertimana dalam Jadual 1.

Zon	Responden
Zon 1: Daerah Muar dan Segamat	2
Zon 2: Daerah Mersing dan Keluang	2
Zon 3: Kota Tinggi dan Johor Baharu	2
Jumlah	6

Jadual 1. Responden Mengikut Zon

Pemilihan responden dalam kalangan pentadbir-pentadbir SABK kerana ciri-ciri dan kelebihan mempunyai pengalaman luas mengurus sekolah tersebut sejak berstatus Sekolah Agama Rakyat (SAR) hingga berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Transisi dari SAR kepada SABK menjadikan pengalaman responden yang terlibat dalam pentadbiran mempunyai hubungan yang signifikan dalam kajian ini.

Di samping itu, penggunaan prosedur temu bual menjurus kepada pandangan pentadbir terhadap program-program akidah dalam pelbagai aspek. Data yang diperolehi telah menggunakan metod pelbagai samada secara temu bual bersemuka atau temu bual. Data direkod dan transkrip dibina. Transkrip di baca keseluruhan dan idea utama dibentuk. Dari idea-idea tersebut disusun mengikut tema dan kategori. Data yang telah dianalisis ditulis mengikut kesesuaian tema-tema. Transkrip data kualitatif terbentuk perhubungan antara tema-tema, ia membantu pengkaji memahami perkara yang dikaji dengan teliti seperti dinyatakan Chua (2012).

Dapatan Kajian dan Perbincangan

I. Pelaksanaan Program Dakwah dalam Aspek Akidah di SABK negeri Johor

Melalui data temu bual yang telah di analisis, program dakwah dalam aspek akidah di SABK telah dilaksanakan dengan baik bergantung kepada pengurusan sekolah dalam merangka dan merancang kaedah. Program dakwah dalam aspek akidah sangat berkesan dalam menyemai rasa kehadiran Allah SWT yang membina sifat *ihsan* yang mempunyai nilai paling tinggi bagi insan Muslim. *Ihsan* mengawal pelajar dari terjebak kepada dosa dan maksiat. Sifat ikhlas ini akan melahirkan pelajar yang komited dalam semua bidang termasuk akademik.

Cabaran pelaksanaan dakwah akidah di SABK adalah berhadapan dengan kekurangan kemahiran dalam perancangan dakwah akidah. Ini menjadi cabaran utama kepada gerak kerja dakwah. Kurangnya persediaan dalam memahami tugas dakwah dan keadaan madu' menjadi kesan buruk kepada dakwah yang disampaikan (Izzaty, 2010). Dalam kajian ini, kebanyakan responden bersetuju pelaksanaan program dakwah dalam aspek akidah mengikut perancangan tahunan.

"Kita pernah buat program akidah macam Seminar Ahli Sunnah Wal Jamaah, kursus pemantapan akidah." [R1]

"Kita buat dalam bentuk kuliah, seperti pengajian tauhid." [R3]

"Saya memang pastikan sekolah buat pengajian tauhid seperti semasa SAR." [R4 & R3]

"Kita ada buat program akidah, program akidah yang pernah dibuat di sekolah ini macam program diskusi ilmu akidah, dan bentuk majalah pun ada." [R5]

Dari aspek takwim tahunan program dakwah, dapatan kajian menunjukkan kebanyakan sekolah menyediakan takwim program dakwah, namun ia tertakluk kepada perubahan. Berikut adalah pernyataan responden;

"Ya kami rancang program dakwah, bincang dengan asatizah, tengok laporan tahun lepas, mana yang tak boleh jalankan kita tukar yang lain." [R2 & R6]

"Kami buat program dakwah ikut keperluan sekolah, pernah rancang sebelum ni tapi selalu tak sempat buat, jadi ikut keperluan baru." [R4]

"Ya ada buat program dakwah akidah terancang, dan kami bahagi-bahagikan program dakwah tu ikut program harian, bulanan dan tahunan. Biasanya kita buat ikut peristiwa hari kebesaran Islam, macam Nisfu Saaban, Maal Hijrah dan lain lagi." [R5]

“Program sekolah saya tak rancang, memang ada takwim tapi secara kasar je, detil kita ikut keperluan sekolah, kalau sesuai dan ada masa. Sekolah saya ikut keperluan sekolah.” [R1&R4]

Analisis temu bual mendapati, semua responden [R1-R6] mengakui semua mereka mempunyai takwim tahunan program dakwah di sekolah masing-masing. Penyediaan SABK dengan takwim dakwah masing-masing merupakan usaha baik bagi memastikan aktiviti dakwah terlaksana secara berjadual. SABK juga masih meneruskan amalan dakwah termasuk program berteraskan akidah yang menjadi warisan turun temurun dari semenjak Sekolah Agama Rakyat (SAR). Antaranya, Madrasah Al-Khairiah Mersing, Sekolah Menengah Agama Kota, Kota Tinggi dan Sekolah Menengah Agama Parit Raja, masih meneruskan *Ratib Al Attas* sebagai rutin tahunan dan dijalankan secara mingguan. Sambutan *Maulid Rasul* diadakan bersama masyarakat setempat, bacaan *al-Mathurat*, perbincangan kitan turath, *Quranul Fajr* dan sebagainya.

“Program SAR dulu-dulu masih kita teruskan, macam maulidur rasul, kita sambut bersama-sam komuniti setempat, program macamtu boleh meningkatkan sahsiah pelajar, macam program ulul al-bab membentuk persekitaran hidup beragama, dan boleh memartabatkan Al-Quran.” [R3 dan R4]

“Kita teruskan program SAR, solat hajat perdana bacaan yasin ma'thurat, program tu penting sebsb ia sebagai cara membuat pengisian rohanidan penerapan nilai murni murid-murid.” [R5]

“Kita masih buat programmasa SAR seperti usrah, bacaan surah Yasin, Ratib Al-Attas, ulama' singgah (kitab turath), kuliah duha, wirid Sakaran, kuliah syamail muhammadiyah dalam sebulan sekali.” [R1, R2 dan R6]

Selain itu, responden kajian [R1, R2, dan R4] menyatakan program dakwah dijalankan dengan melibatkan masyarakat setempat. Antaranya pelajar SABK sering dijemput untuk mengetuai bacaan tahlil, nazam, majlis *khatam al-Quran*, selawat di majlis perkahwinan, solat jenazah, menjadi imam di surau, ziarah dan marhaban sewaktu *idul fitr* ke rumah *asatizah* dan penduduk berdekatan atau menyertai majlis keraian dan sebagainya. Nilai yang baik ini menjadi kebanggaan ibu bapa yang memiliki anak dari sekolah seperti ini yang menonjolkan identiti kepimpinan dalam masyarakat meskipun masih lagi di bangku sekolah.

Program-program dakwah berbentuk akidah juga dilaksanakan di SABK dalam bentuk kelas, kuliah, kursus dan edaran bahan cetakan berupa *maqalah* dan lain-lain. Dapatan juga menunjukkan program dakwah SABK turut mengadakan seminar Ahli Sunnah Wal Jamaah, Diskusi Ilmiah Akidah, Pengajian Kitab Thurath Akidah, kursus pemantapan akidah [R3, R5 & R6]. Terdapat juga SABK yang melaksanakan program pengajian berkitab. Namun ia kurang usaha yang lebih menarik kerana menggunakan kaedah syarahan. Ia perlu mengambil kira kaedah pengajaran semasa. Ia boleh dilaksanakan melalui aktiviti menarik seperti soal jawab dan perbincangan. Dengan cara ini pelajar bebas bersuara dan berusaha mencari persefahaman. Ini merangsang minat mereka untuk bertukar-tukar idea. Maka bercambahlah kefahaman.

Dari sudut pengurusan program dakwah, semua responden [R1-R6] bersetuju pihak sekolah telah mewujudkan jawatankuasa pelaksana. Jawatankuasa ini membantu dalam penyelarasan, semakan keperluan dan sebagainya.

“Ya ada, kawatan kuasa dakwah biasanya kita buat dan diletakkan di bawah unit HEM, kita biasa sebut Makdis atau sekarang Pekdis, dan untuk nampak resmi kita masukkan dalam buku takwim tahunan.” [R2 dan R4]

“Sekolah ni ada jawatankuasa dakwah, kami masukkan dalam buku panduan tugas guru, tu kira yang induk lah, tapi masa program di jalankan kami buat lagi jawatankuasa khas, mereka bertugas sebagai pengelola program.” [R5]

“Ada, sekolah ada sediakan jawatankuasa khas untuk program dakwah ni. Kita catat lagi nama ajk tu dekat buku panduan dan pengurusan sekolah ataupun dalam buku takwim sekolah” [R1 dan R3]

“Ya ada, sekolah ada sediakan kita panggil diorang penyelaras program dakwah.” [R6]

Dapatan ini menunjukkan jawatan kuasa dakwah sekolah telah disusun secara terancang di dalam buku panduan tugas guru atau disebut takwim sekolah. Ini menggambarkan sikap mengambil perlu akan personal atau tenaga penggerak dan penyelaras bagi program dakwah termasuk program akidah di semua SABK sudah wujud. Jika diperhatikan bahawa usaha menyusun jawatan kuasa dakwah dan di catat di dalam buku panduan sekolah sangat membantu kelancaran pelaksanaan dakwah di sekolah. Program dakwah tidak perlu mengambil waktu yang lama untuk dilaksanakan, pentadbir tidak perlu bersusah payah memikirkan guru bertanggung jawab untuk setiap kali program dakwah yang dilaksanakan. Mereka sekadar merujuk kepada takwim apabila program ingin dibuat. Namun terdapat juga jawatan kuasa atau penyelaras tidak berfungsi dengan sebaiknya disebabkan faktor-faktor lain.

II. Bahan-Bahan Program Dakwah dalam Aspek Akidah di SABK negeri Johor.

Dapatan kajian menunjukkan hampir semua SABK menggunakan modul termasuk modul akidah sebagai bahan dakwah. Modul disediakan oleh BPI atau dengan bahan yang diusahakan oleh sekolah masing-masing. Berikut maklumbalas responden mengenai bahan-bahan dakwah termasuk akidah;

“Ya, sekolah saya ada sediakan bahan-bahan untuk program dakwah, sekolah ni buat bahan-bahan khas untuk akidah kita guna masa program dakwah kita buat sendiri.” [R5 dan R6]

“Ada, bahan tu JPN yang sediakan kami olah dan tambah ikut kesesuaian sekolah, lepas tu kami jadikan modul dakwah.” [R3]

“Kami gunakan modul, ada dua modul dakwah yang selalu kami guna. Pertama modul sumur kedua modul Ulul Albab” [R2 dan R4]

“Ada, ada bahan akidah, kami buat modul dakwah khas dan kami agih modul tu ikut tingkatan.” [R1]

“Sekolah ni guna macam-macam media, ada bahan macam buku, ada guna bahan yang KPM bagi macam modul sumur tu, tapi kena ubah suai sikit” [R3, R4 dan R5]

Dapatan ini menunjukkan terdapat bahan-bahan dalam program dakwah yang digunakan namun masih belum. Terdapat juga pemilihan bahan akidah tidak sekata dan tidak ditentukan samada oleh sekolah atau kementerian. Terdapat modul yang kurang sesuai bagi semua peringkat umur. Pelajar yang berusia tiga belas tahun akan menggunakan modul akidah yang sama digunakan oleh pelajar berusia tujuh belas dan lapan belas tahun. Ini menyukarkan pada pelajar-pelajar menengah rendah untuk memahami dan menyertai bengkel terutama modul akidah yang bersifat terlalu ilmiah yang sukar bagi pelajar untuk menghurai apa lagi memberi pendapat dalam usia yang masih muda untuk tajuk-tajuk yang pada pandangan pengkaji terlalu berat. Ini menjadikan program agak hambar dan tidak semua pelajar mendapat impak maksimum selepas menghadiri program akidah.

Dari sudut membina kemahiran berdakwah, kajian mendapati bahawa SABK masih kurang pendedahan kemahiran khas bahan-bahan dakwah, sama ada cara mengurus bahan dan cara menyampaikan bahan.

“Tak ada panduan pun macamana nak urus bahan dakwah. Biasanya pelajar pun boleh buat, diorang bantu guru siapkan bahan.” [R6]

“Tak da kemahiran khas, saya setuju kena perkasakan guru-guru dengan kemahiran bina bahan dakwah yang lebih kreatif.” [R5]

Responden kajian turut menyatakan kekurangan bahan dakwah yang menarik boleh menyebabkan kurang sambutan dan memerlukan pendedahan kemahiran serta sumber kewangan. Walaupun demikian, terdapat juga usaha pemilihan bahan dakwah yang dihasilkan adalah dari sumber elektronik dan media berteknologi moden, sedikit sebanyak mampu mempertingkatkan minat pelajar dan menambah kualiti program dakwah di SABK.

III. Penerimaan Program Dakwah dalam Aspek Akidah di SABK negeri Johor

Dapatan menunjukkan semua pentadbir SABK bersetuju bahawa pelajar-pelajar memberi respon secara positif kepada program-program dakwah yang dilaksanakan. Sebagai pentadbir responden berjaya melatih pelajar untuk respon secara terbuka sesuatu yang difikirkan sesuai untuk perubahan program dakwah. Ini satu kelebihan yang ada pada pelajar SABK. Program dakwah dalam aspek akidah membantu secara tidak langsung kualiti akademik, akhlak dan ko-kurikulum dalam kalangan pelajar-pelajar SABK.

“Saya setuju program dakwah memang boleh tingkatkan kualiti ko-kurikulum pelajar. Contohnya ‘sumur’ berjaya tingkatkan kualiti penyertaan di beberapa peringkat. Sebelum ni nak pegi ke peringkat negeri pun payah, bila ada ‘sumur’ ada peluang hingga terpilih ke peringkat kebangsaan.” [R2, R3, R4 dan R5]

“Program dakwah tingkatkan sahsiah pelajar, sekarang ni disiplin pelajar pun nampak tambah baik.” [R1]

“Saya percaya disiplin pelajar makin baik selepas kita buat program dakwah. Betul, memang ada perubahan kepada pelajar.” [R6]

Dapatan kajian menunjukkan bahawa program dakwah dalam aspek akidah di SABK meningkatkan nilai-nilai positif di kalangan pelajar. Contohnya kehadiran yang lebih baik, sikap lebih sopan, semua ini sangat membantu sekolah-sekolah tersebut dari aspek disiplin pelajar untuk menjadi lebih baik. Pelajar yang kerap menghadiri program mempelajari banyak kefahaman dan nilai murni yang baik. Apabila pelajar penuh jiwa dan minda dengan iman, amalan dan ibadah tidak mustahil ia dapat diterjemahkan dalam aktiviti seharian. Mereka boleh menjadi pelajar yang cemerlang akhlak dan rajin belajar.

Justeru, keperluan penambahbaikan agar program dakwah dalam aspek akidah di SABK lebih seimbang pengetahuan dan minat. Pengurusan masa boleh diatasi sekiranya guru melaksanakan pengurusan masa yang bijak. Ini boleh dilakukan apabila pelajar dilatih menjadi *naqib* atau *naqibah* untuk membantu pelaksanaan program. Tidak semestinya semua perlu dilakukan oleh guru. Mengagihkan pelajar kepada beberapa kumpulan boleh mengatasi kekangan masa apabila pelajar boleh menyesuaikan keadaan, masa dan tempat untuk program dakwah. Guru boleh berperanan sebagai fasilitator memantau dan membimbing pelajar bila

perlu sahaja. Selain itu ada kekangan lain iaitu kepakaran untuk berdakwah, dan aspek tenaga itu iaitu guru. Guru tidak mendapat kepakaran sama ada latihan atau pengkhususan yang boleh digunakan untuk membantu sekolah. Terutama membimbing para pelajar mengurus dakwah berkonsepkan akidah. Sudah tiba masanya pihak yang bertanggung jawab membantu menyelesaikan perkara ini. Isu kejurulatihan dakwah akidah perlu diselesaikan segera agar masalah kekurangan kemahiran berdakwah akidah tidak berterusan.

Selain itu, terdapat juga dalam kalangan pelajar merupakan individu berminat dan mempunyai bakat untuk berdakwah. Ini terbukti apabila pelajar SABK bersama keluarga adalah peluang terbaik mereka menyalurkan dakwah dari apa yang di pelajari di sekolah. Ada juga pelajar yang bijak, mereka menggunakan media sosial untuk bersama rakan-rakan dalam program tazkirah dan yasin online. Kesediaan pelajar mengurus dan membuat pengisian secara *google meet* sangat dipuji.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dinyatakan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) telah melaksanakan program dakwah dalam aspek akidah dengan mengikut perancangan dan takwim. Namun pengurusan dan pelaksanaan memerlukan perancangan yang tersusun dan sistematik. Manakala aspek bahan-bahan dakwah berbentuk akidah menggunakan modul-modul yang disediakan sama ada daripada Bahagian Pendidikan Islam (BPI) atau secara inisiatif guru penyelaras dakwah. Pelbagai bahan-bahan dakwah yang digunakan mengikut kesesuaian, keperluan, kemahiran dan kemampuan dalam penyediaan secara elektronik atau non-elektronik. Namun aspek kemahiran dan kemampuan perlu diberikan tumpuan agar komitmen dakwah sentiasa berterusan dalam Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Isu kekurangan bahan-bahan akidah dengan peruntukan kewangan dari KPM atau bersama jaringan pihak komuniti serta pertubuhan untuk program dakwah di sekolah. Usaha ini amat diharapkan bagi membantu meningkatkan kualiti penyampaian dan pelaksanaan program dakwah berkonsepkan akidah khususnya. Dengan peruntukan tersebut banyak latihan dan kemahiran dakwah akidah kepada guru-guru penyelaras dakwah dalam aspek kebajikan dan keterampilan yang lebih mantap. Penerimaan program dakwah dalam aspek akidah di kalangan pentadbir, guru dan pelajar adalah positif. Namun beberapa penambahbaikan yang perlu dilakukan agar ia memberikan kesan yang positif dalam kefahaman dan penghayatan.

Rujukan

- Abdul Razak, A, Z. (2006). Ciri Iklim Sekolah Berkesan dan Implikasinya. *Jurnal Pendidikan*, 31(2) 3-19.
- Ahmad, M, F, H. & Othman, M, K. (2016). Pusat Islam POLIMAS: Penglibatan Program Dakwah Dan Hubungannya Dengan Amalan Ibadat Solat & Pengalaman Akhlak Pelajar. *Proceeding of ICECRS.1*. 653-662.
- Bahagian Pendidikan Islam. (2016). *Buku Cenderamata Anugerah Surau Imarah Peringkat Kebangsaan 2015*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- Chua, Y, P. (2012). *Asas Statistik Penyelidikan*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: MC Graw Hill Education.
- Hamid, M, Z. (2009). Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pelajaran Selangor: Kajian Tentang Pelaksanaan Program Dakwah dan Keberkesanannya. *Tesis Sarjana: Universiti Malaya*.

- Ibn Kathir, 'Imanuddin Abi al-Fida' Ismail. (t.th). *Tafsir Al-Qur'an al-'Azim*. Al-Haramayn: Lit al-Tiba'ah wa al-Nasr wa Tauzi'.
- Ismail A.M & Jasmi. K.A (2016). *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam*. Skudai: Penerbit UTM.
- Izzaty Ulya, Abd Aziz. M & Ismail, Z. (2018). Trait Personaliti Pendakwah Muslim: Satu Sorotan Literature. *Jurnal al-Hikmah*, 10(1), 34-38.
- Mamat. M. S. & Syed Hassan. S, N. & Tamuri. A, H. (2015). Amalan Ibadat Harian dan Sumbangannya kepada Kecerdasan Emosi Remaja. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 29-40.
- Mohd Yusoff. M, Z. (2019). Faktor-Faktor Penyumbang dalam Pertimbangan Moral Pelajar Sekolah Agama. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 9(1), 81-109. Retrieved from <https://e-journal.uum.edu.my/index.php/mjli/article/view/7638>
- Moustofa Sharifie. H. (2014). *Mauduk Wa Khasois Dakwah el Islamiah*. Diperoleh daripada <https://www.alukah.net/sharia/D/68785>.
- Muhamad. A, F. (2003). Kesesuaian Program Dakwah Jabatan agama Johor di Kalangan Pelajar Al-Khairiah, Segamat (SABK): Kajian Kes. *Tesis Sarjana: Universiti Teknologi Malaysia (UTM)*.
- Siren. N, R. (2018). Kepelbagaian Pengurusan Sekolah Agama Rakyat di Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun*, 13(1), 45-56.
- Sulehan, F. (2013). Amalan Kepimpinan Lestari Pengetua Sekolah SABK Daerah Pontian. *Tesis Sarjana: Universiti Teknologi Malaysia (UTM)*.